

16 JUN 2004

Mahathir-percuma

DR MAHATHIR MINTA MELAYU KIKIS MENTALITI MAHUKAN SEMUA SECARA
PERCUMA

SINTOK, 16 Jun (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad meminta orang Melayu mengikis mentaliti mahukan sesuatu dengan percuma sebaliknya mereka mestilah sedia untuk membayar.

Bekas perdana menteri itu berkata masyarakat Melayu yang mempunyai mentaliti seumpama itu tidak akan mampu membuat sesuatu untuk diri sendiri kerana semuanya mahu ditanggung oleh kerajaan.

"Kita mesti ada tabiat, dapat sesuatu mesti bayar...kita tidak mahu free sahaja," katanya pada majlis penyerahan kunci Projek Perumahan Kampung Tradisi Lembah Keriang dan Kampung Tradisi Paya Pahlawan di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah isteri beliau, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Dr Mahathir berkata mereka yang membeli rumah menerusi projek perumahan kampung tradisi berkenaan mesti sanggup membayarnya kerana kerajaan membinanya bukan untuk tujuan kebajikan.

Katanya, rumah berkenaan amat murah kerana kerajaan memberi subsidi tiga perempat daripada harganya manakala bagi mereka yang tidak mampu membelinya, kerajaan menyediakan rancangan lain seperti Projek Perumahan Rakyat Termiskin.

"Kita kena ingat wang kerajaan adalah terhad, jika banyak belanja di satu-satu tempat maka tempat-tempat lain tidak dapat menikmatinya," katanya.

Projek perumahan kedua-dua kampung tradisi berkenaan di daerah Kubang Pasu dijadikan perintis sebelum dibina di seluruh negara dan merupakan cetusan idea serta wawasan Dr Mahathir semasa menjadi Perdana Menteri dahulu.

Projek itu, yang diterajui oleh kerajaan persekutuan dengan kerjasama kerajaan negeri Kedah dan Putrajaya Holdings Sdn Bhd, menitikberatkan reka

bentuk kawasan kejiranan berlandaskan kampung tradisi di samping mengetengahkan nilai dan semangat perkampungan.

Kampung Tradisi Lembah Keriang meliputi kawasan seluas 36 hektar dengan mempunyai 191 unit rumah manakala Kampung Tradisi Paya Pahlawan 161 unit rumah di kawasan seluas 31 hektar. Projek itu juga mempunyai kemudahan awam seperti masjid, kedai, pejabat pos, pondok polis, dewan serbaguna, klinik desa, perpustakaan dan tadika.

Setiap unit rumah tiga bilik itu dijual antara RM39,919 dan RM43,445.

-- BERNAMA

MAN MAI